

Received: 11 March 2021; Accepted: 24 April 2021; Published: 30 June 2021

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2021-0601-05>

## **HADIS-HADIS KEPIMPINAN MENURUT TUAN GURU ABDUL HADI AWANG** **Hadiths on Leadership According to Tuan Guru Abdul Hadi Awang**

Mohd Luqman Arif bin Sakri<sup>\*1</sup> & Latifah Abdul Majid<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Program Sarjana Program pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Malaysia.

<sup>2</sup> Pusat kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Malaysia.

\*luqmansakri@yahoo.com (Corresponding author)

### **Abstrak**

Abdul Hadi Awang merupakan sosok yang terkenal dengan ketokohnanya dalam bidang agama dan juga politik. Pendekatan politik yang dibawa sering memberi impak dan pengaruh yang besar terhadap landskap politik tanah air. Sebagai seorang tokoh agama dan juga selaku presiden sebuah parti Islam, maka setiap apa yang dilakukan olehnya bersandarkan kepada al-Quran dan hadis. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji pemikiran Abdul Hadi Awang terhadap hadis-hadis kepimpinan. Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Segala data yang diperolehi adalah berdasarkan analisis dokumen daripada karya-karya penulisan Tuan Guru terutamanya dalam Bahasa Melayu. Manakala hadis yang dipilih adalah berdasarkan yang sering digunakan dalam penulisan beliau. Hal ini bertujuan untuk memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pemikiran yang ingin diteliti. Dapatkan menunjukkan bahawa menjadi pemimpin dan melaksanakan urusannya merupakan kewajipan yang perlu dilakukan mengikut acuan yang diajarkan oleh Nabi SAW. Perkataan *siyasah* meskipun tidak disebutkan secara nyata dalam al-Quran, tetapi ianya jelas disebutkan dalam hadis yang membawa maksud memerintah, mentadbir dan memimpin. Menafikannya sebahagian daripada Islam boleh dianggap sebagai sesat. Amanah memimpin negara mestilah diserahkan kepada orang yang mempunyai hubungan yang dekat dengan Allah SWT kerana ianya merupakan amanah yang besar. Sekiranya seseorang itu tidak menjaga waktu solat, maka urusan kepimpinan tidak boleh diserahkan kepadanya apatah lagi yang tidak mendirikannya. Ketaatan kepada pemimpin adalah bersifat tidak mutlak. Hanya wajib memberikan ketaatan kepada pemimpin yang berpegang teguh dengan ajaran Islam

Kata Kunci: Hadis *Siyasah*, Hadis Kepimpinan, Hadis Politik, Pemikiran Siyasah, Tokoh Politik

### **Abstract**

Abdul Hadi Awang is a well-known figure in the field of religion and politics. The political approach brought often had a huge impact and influence on the political landscape of the homeland. As a religious figure and the president of an Islamic party, everything he does is based on the Quran and hadith. Therefore, this study was conducted to study Abdul Hadi Awang's thoughts on leadership hadiths. The method used in this study is qualitative. All data obtained is based on the analysis of documents from master's writing works especially in Bahasa Melayu. While the selected hadith is based on what is often used in his writings. This is aimed at focusing entirely on the thoughts that want to be researched. The findings show that being a leader and carrying out his affairs is an obligation that should be done according to the guidelines taught by the Prophet PBUH. The word *siyasah* although not expressly mentioned in the Quran, but it is clearly mentioned in hadiths that have the meaning of ruling, administering and leading. Denying it part of Islam can be considered as perverted. Trust in leading the country must be handed over to those with close ties to Allah SWT because it is a great trust. If a person does not take care of the prayer time, then the business of leadership cannot be left to him, let alone not establish it. Obedience to the leader is not absolute. Only obligatory to give obedience to leaders who adhere to the teachings of Islam

Keywords: Siyasah Hadith, Leadership Hadith, Political Hadith, Siyasah Thinking, Political Figures

## PENGENALAN

Abdul Hadi Awang merupakan seorang ulama tanah air yang terkenal dengan ketokohnanya dalam bidang agama dan politik. Ini menjadikan beliau seorang yang sangat disegani dan dihormati sama ada di dalam mahupun luar negara. Penglibatan beliau dalam dunia politik telah memberi impak yang besar terhadap sistem pentadbiran di Malaysia terutama dalam perkara yang melibatkan kepimpinan. Selaku permimpin gerakan Islam yang berpegang teguh dengan ajaran agama Islam, beliau sering mempraktikkan tindakan politiknya berdasarkan apa yang diajarkan oleh Nabi SAW melalui sumber hukum Islam yang kedua iaitu hadis. Oleh itu, penelitian ini wajar diketengahkan bagi mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan kepimpinan dan apakah hadis yang berkaitan dengan kepimpinan menurut Abdul Hadi Awang.

### Definisi Kepimpinan

Kepimpinan menurut Block (1993) adalah sebuah tindakan yang dilakukan oleh individu dalam memberi arahan terhadap aktiviti berkumpulan demi mencapai tujuan yang sama. Abdullah & Ainon (2003) menyatakan, akaunbiliti dan tanggungjawab yang tepat sangat diperlukan dalam kepimpinan bagi memimpin seorang individu atau kumpulan atau organisasi atau masyarakat bahkan lebih besar iaitu negara. Muhammad Nasri & Ab. Aziz (2005) menyebutkan, perkara asas yang perlu ada dalam sebuah komuniti tidak kira ianya kecil atau besar adalah seorang pemimpin. Bahkan dalam Islam, konsep kepimpinan telah lama wujud sejak pertama kali manusia diciptakan.

Manakala Ahmad Zabidi (2005) pula menyatakan, kepimpinan dalam Islam lebih tertumpu kepada aktiviti mengarahkan ahli organisasi secara sukarela dan bersifat terbuka malah memberi tumpuan terhadap konsep persaudaraan serta hubungan kemanusiaan demi mencapai matlamat organisasi. Menurut Dubrin et. al (2006), kepimpinan adalah sebuah usaha yang dilakukan untuk mempengaruhi orang lain melaksanakan sesuatu perkara bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kepimpinan yang dibawa oleh Nabi SAW telah membawa kepada kejayaan yang besar sehingga Baginda dijadikan sebagai contoh tauladan dalam dunia kepimpinan Islam serta menjadi mercu tanda sejarah ketamadunan manusia. Jika dilihat dari sudut konteks Islam, model kepimpinan yang paling sempurna adalah Nabi Muhammad SAW. Ketokohan Baginda dalam kepimpinan bukan sahaja dirasai oleh masyarakat Islam, tetapi turut dirasai oleh masyarakat bukan Islam bahkan mendapat pengakuan dan pengiktirafan di seluruh dunia (Siti Khadijah & Ahmad Marzuki 2017).

Menurut Hasan al-Banna Mohamed (2018), kepimpinan adalah sifat yang terlahir daripada diri seorang pemimpin. Setiap manusia yang dilahirkan mempunyai sifat atau kemahiran untuk memimpin tetapi sifat atau kemahiran tersebut hanya dapat ditonjolkan setelah melalui proses gilapan dan latihan. Namun, terdapat sebahagian sarjana menafikan bahawa seseorang dapat dibentuk menjadi pemimpin. Menjadi khalifah atau pemimpin di atas muka bumi merupakan satu amanah yang dikurniakan Allah SWT ke atas umat manusia sebelum diciptakan lagi. Bahkan, ianya juga merupakan kewajipan yang kedua setelah kewajipan beribadat kepada Allah SWT. Hal ini telah diumumkan di hadapan para malaikat seperitiman yang terdapat dalam surah al-Baqarah ayat 30 iaitu:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيُسْفِكُ الدِّمَاءَ وَكُنْ نُسْبِخُ  
بِحَمْدِكَ وَنُقْدِسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Terjemahan:

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berkata kepada malaikat, sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata), Adakah Engkau (ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu? Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.

Ayat al-Quran ini secara terang dan jelas menyebutkan bahawa manusia dijadikan sebagai khalifah atau dapat diertikan sebagai pemimpin yang menguruskan di atas muka bumi ini. Terdapat juga hadis Nabi SAW yang menyebutkan secara terperinci mengenai kepimpinan, di mana setiap orang adalah pemimpin bagi orang lain mengikut tahap dan kemampuan masing-masing. Nabi SAW bersabda:

أَن رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْؤُلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَإِلَمَّا مَرَأَ النَّاسَ رَاعٍ وَهُوَ مَسْؤُلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْؤُلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالمرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى أَهْلِ بَيْتِ زَوْجِهَا وَوْلَدِهِ وَهُوَ مَسْؤُلٌ عَنْهُمْ، وَعَبْدُ الرَّجُلِ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْؤُلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

(Imam Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Ahkam, Bab Firman Allah SWT, hadis no. 7138)

**Terjemahan:**

Rasulullah SAW bersabda: “Ketahuilah bahawa kamu semua adalah pemimpin dan akan memikul tanggungjawab ke atas yang dipimpin. Penguasa yang memimpin manusia akan dipertanggungjawabkan ke atas yang dipimpinnya. Seorang lelaki (ketua keluarga) adalah pemimpin bagi keluarganya dan dia hendaklah bertanggungjawab ke atas ahli keluarga yang dipimpinnya. Seorang perempuan (isteri) adalah pemimpin terhadap keluarga rumah suaminya, anak-anaknya dan dia akan dipertanggungjawabkan ke atas kepimpinannya. Seorang hamba juga adalah pemimpin terhadap harta tuannya dan akan bertanggungjawab terhadapnya. Ketahuilah, setiap daripada kamu akan dipertanggungjawabkan ke atas yang dipimpinnya”.

Hadis ini secara umumnya menunjukkan bahawa setiap orang itu merupakan pemimpin bagi setiap kalangan mereka. Ruang lingkup pemimpin itu berbeza mengikut situasi dan keadaan sepetimana perdana menteri adalah pemimpin negara, seorang ayah pemimpin bagi keluarganya dan seterusnya. Bukan itu sahaja, setiap apa yang dilakukan oleh pemimpin itu juga akan dipersoalkan oleh Allah SWT pada hari akhirat. Ini menjadi satu petunjuk yang jelas bahawa setiap urusan yang melibatkan pentadbiran mahupun pemerintahan termasuk dalam perkara ibadah kerana setiap dosa dan pahala akan dinilai. Oleh yang demikian, perbincangan mengenai hadis kepimpinan ini dilihat sangat penting dan wajar diketengahkan.

## Metodologi Kajian

Kajian yang dilakukan ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes dan kajian kepustakaan. Kajian kes dalam penelitian ini tertumpu kepada pemikiran seorang tokoh iaitu Abdul Hadi Awang. Pengkaji juga mengumpulkan data dan maklumat yang berkaitan berdasarkan kajian kepustakaan yang membolehkan penulis mendapatkan sumber primer dan sekunder melibatkan kitab-kitab hadis mahupun dokumen-dokumen bertulis yang berkaitan dengan tajuk kajian seperti tesis, jurnal, buku, laporan, akhbar, majalah dan lain-lain.

## Biografi Ringkas Tuan Guru Abdul Hadi Awang

Abdul Hadi Awang yang mesra dipanggil ‘Tuan Guru atau ‘Ayah Chik’ dilahirkan pada tanggal 20 Oktober tahun 1947 di Kampung Rusila, daerah Marang, negeri Terengganu. Pada awal usianya, beliau sudah mendapat didikan agama daripada ayahnya sebelum dimasukkan ke Sekolah Rendah Rusila pada tahun 1955. Ketika usianya meningkat dewasa, beliau melanjutkan pelajaran ke Sekolah Arab Marang pada tahun 1961 dan juga Sekolah Menengah Ugama Sultan Zainal Abidin pada tahun 1965. Beliau juga telah mengambil Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) pada tahun 1967 di sekolah yang sama. Selanjutnya beliau meneruskan pengajian dalam bidang Syariah di Universiti Islam Madinah pada tahun 1969 dengan mendapat tajaan biasiswa kerajaan Arab Saudi. Seterusnya beliau melanjutkan pengajiannya di peringkat sarjana (MA) pada tahun 1974 di Universiti Al-Azhar di Mesir.

Pada akhir tahun 70-an, Tuan Guru Abdul Hadi Awang mula berkecimpung dalam arena politik negara. Nama beliau sebaris dengan tokoh-tokoh gerakan Islam abad moden sepetimana Fathi Yakan, Mehdi Aqif, Racep Tayyeb Erdogan dan tokoh-tokoh besar yang lain di seluruh dunia. Sebagai seorang agamawan dan juga tokoh politik, pengaruh yang ada pada dirinya telah memberikan kesan yang besar terhadap landskap politik negara sehingga membentuk fenomenanya yang tersendiri (Abdul Hadi Awang, 2011). Tuan Guru Abdul Hadi Awang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Rhu Rendang pada tahun 1986-2018. Beliau juga merupakan Ahli Parlimen Malaysia pada tahun 1990-2004 dan juga pada tahun 2008 sehingga sekarang. Pengaruh beliau mula terserlah apabila diberi kepercayaan memegang jawatan-jawatan penting seperti Menteri Besar Terengganu pada tahun 1999-2004, Presiden Parti Islam Se-Malaysia pada tahun 2002 sehingga sekarang, Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia pada tahun 2003-2004 dan juga Mantan Timbalan Presiden Kesatuan Ulama Islam Sedunia pada tahun 2014-2018 (Abdul Hadi Awang, 2019).

## Perbahasan

Penulis sedaya upaya akan membahaskan tentang hadis-hadis yang berkaitan kepimpinan menurut pandangan Abdul Hadi Awang berdasarkan hadis-hadis yang terdapat dalam penulisan beliau. Terdapat banyak hadis yang dikaitkan dengan kepimpinan. Namun penulis hanya memilih hadis-hadis yang sering digunakan oleh Abdul Hadi Awang dalam perbahasan atau penulisan karya beliau sahaja bagi memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pemikiran yang ingin diteliti.

1. Hadis tentang kewajipan dan hak menjadi seorang pemimpin. (Abdul Hadi Awang 2007; 2010; 2011)

كَيْنَتْ بَنُو إِسْرَائِيلَ تَسْوُسُهُمُ الْأَنْبِيَاءُ كُلُّمَا هَلَكَ نَبِيٌّ خَلَفَهُ نَبِيٌّ وَإِنَّهُ لَا يَنِي بَعْدِنِي وَسَيَكُونُ حُلْفَاءُ فَيُكَثِّرُونَ قَاتِلُوهُ : فَمَا تَأْمُرُنَا؟ قَالَ : فُوَابِيَّعَةُ الْأَوَّلِ فَالآخِرُونَ أَعْطُوهُمْ حَقَّهُمْ فَإِنَّ اللَّهَ سَأَلَهُمْ عَدَّاً أَسْتَرْعَاهُمْ

(Riwayat al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab *Ahadith al-Anbiya'*, Bab *Ma Zukira 'an Bani Israel*, hadis no. 3455)

Terjemahan:

Kaum Bani Israel dipimpin oleh para nabi. Setiap kali wafatnya seorang nabi, akan diganti oleh nabi selepasnya. Sesungguhnya tiada lagi nabi selepasku melainkan adanya para khalifah dan jumlah mereka ramai. Lalu mereka berkata (bertanya): Apakah perintah kamu kepada kami (kalau berada di zaman itu)? Nabi SAW menjawab: Tunaikan bai'ah kepada pemimpin pertama yang dilantik adalah lebih utama. Berilah kepada mereka hak-hak mereka (ketaatan dalam perkara menegakkan agama dan menentang fitnah dan kejahatan). Sesungguhnya Allah akan menyoal mereka tentang apa yang mereka lakukan.

Menurut Abdul Hadi Awang (2007; 2010), politik di dalam Bahasa Arab disebut sebagai *siyasah* dan secara maksudnya *siyasah* adalah memerintah, mentadbir atau memimpin. Berdasarkan hadis yang dinyatakan, Nabi SAW menyebutkan secara jelas perkataan *siyasah* iaitu politik. Ini membuktikan bahawa urusan politik termasuk dalam sebahagian daripada kewajipan yang dilaksanakan oleh para rasul bermulanya daripada Nabi Adam AS sehingga kepada Nabi Muhammad SAW. Kewajipan ini telah dilaksanakan oleh Nabi SAW dengan penuh kesungguhan dan susah payah. Ini dibuktikan apabila Nabi SAW menolak tawaran lumayan yang diberikan oleh pemimpin Quraisy agar meninggalkan Islam yang dibawa oleh baginda bahkan sanggup mengorkan harta dan jiwa serta berhijrah bersama sahabatnya ke Madinah bagi menjadikan Islam sebagai agama memerintah.

Abdul Hadi Awang menyatakan, politik yang dibawakan oleh para rasul bukan sekadar dalam urusan pentadbiran semata-mata tetapi untuk mengajak manusia terhadap Islam secara menyeluruh dari sudut akidah, syariat, akhlak dan pemerintahan yang mendaulatkan agama Islam. Mereka turut mengajak raja-raja dan pemimpin pada zaman masing-masing supaya menerima Islam dan memerintah dengan cara Islam. Terdapat juga sebahagian daripada mereka yang sempat menjadi khalifah atau raja. Abdul Hadi Awang (2007) menjelaskan, ketika Nabi SAW wafat, para sahabat daripada kalangan Muhajirin dan Ansar mengadakan mesyuarat bagi memilih pemimpin untuk menyambung urusan politik Islam sehingga sebahagian daripada mereka tidak hadir pengebumian jasad Nabi SAW. Ini menunjukkan urusan politik dalam mentadbir negara adalah perkara penting dalam Islam.

Tambahan beliau, seluruh sarjana Islam secara ijmak, para sahabat, para tabiin dan imam-imam mujtahid bersetuju meletakkan politik sebahagian daripada Islam. Sekiranya ada yang mengatakan bahawa politik tidak ada dalam Islam maka pendapat itu dikira sesat dan menyeleweng daripada ajaran al-Quran dan sunnah. Meskipun politik termasuk dalam perkara *furu'* atau cabang syariat, tetapi Imam al-Ghazali meletakkannya dalam kitab akidah. Ini kerana syarat kesempurnaan dan syarat sah setiap perkara dalam Islam adalah berkaitan dengan akidah termasuklah dalam amalan sunat. Oleh yang demikian, setiap perkara dalam Islam baik syariat mahupun akhlak, tidak boleh diingkari oleh seseorang yang beriman apatah lagi dalam hal berkaitan akidah.

Menurut Abdul Hadi Awang (2011), perkataan *siyasah* tidak disebut dalam al-Quran tetapi maksudnya termasuk dalam perkara yang dinaskan secara nyata dan para ulama menegaskan ianya termasuk dalam maksud perkataan khilafah. Para ulama seperti al-Mawardi, Ibnu Khaldun dan Abu Ya'la meletakkan *siyasah* dalam kewajipan khilafah dan imamah. Tugas imamah diwujudkan adalah untuk menjalankan kewajipan khilafah yang pernah dilakukan oleh para nabi. Manakala melaksanakannya adalah wajib mengikut hukum yang disepakati oleh para ulama.

Abdul Hadi Awang juga turut menyentuh sedikit berkenaan hak baiah yang perlu dilakukan oleh rakyat kepada pemimpin. Menurut Abdul Hadi Awang (2010), baiah yang disebutkan dalam hadis merupakan sebuah perjanjian yang dilakukan secara dua hala antara pemimpin dan juga rakyat. Selaku pemimpin, janji yang perlu diberikan adalah berlaku adil kepada rakyat dengan berpandukan hukum Islam manakala rakyat pula perlu berjanji memberikan ketaatan dan membantu dalam perkara yang tidak bercanggah dengan syariat. Selain itu, rakyat juga perlu berjanji memberikan pertolongan untuk menyebarluaskan dan mempertahankan Islam dengan sikap bersedia dalam menghadapi musuh dan apa jua cabaran yang mendarat.

Berdasarkan apa yang dinyatakan, menunjukkan bahawa politik merupakan sebuah kewajipan bagi setiap manusia tidak kira pangkat atau darjah bahkan ianya termasuk sebahagian dalam Islam. Perkara ini perlu ditekankan supaya umat Islam pada harini memainkan peranan yang penting dalam mengendalikan urusan politik berteraskan ajaran Islam yang sebenar dengan menjadikan al-Quran dan hadis sebagai sumber utama dalam pemerintahan. Selain itu, perlu wujud hubungan dua hala antara pemimpin dan rakyat bagi mengukuhkan serta menstabilkan kekuatan sesebuah kerajaan dengan menunaikan hak masing-masing.

Sepertimana di Malaysia, undang-undang yang digunakan masih lagi mengekalkan undang-undang jajahan British. Perundangan syariah turut dilaksanakan tetapi hanya terbatas dalam permasalahan perkawinan sahaja. Hal ini harus ditekankan agar perundangan syariah dapat dilaksanakan secara total dan menyeluruh. Ini kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi persekutuan. Bagi rakyat pula, kewajipan yang harus ditunaikan adalah melaksanakan tugas sebagai pengundi ketika pilihanraya diadakan. Ini kerana Malaysia mengamalkan sistem demokrasi di mana pemimpin atau perwakilan rakyat dipilih melalui proses pengundian.

2. Hadis tentang ancaman menyerahkan urusan pada bukan ahli (Abdul Hadi Awang 1995; 2005; 2007; 2009; 2011)

عَنْ أَبِي ذَرٍّ، قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَلَا تَسْتَعْمِلُنِي؟ قَالَ: فَضَرِبَ بِيَدِهِ عَلَى مَنْكِي، ثُمَّ قَالَ: يَا أَبَا ذَرٍّ، إِنَّكَ ضَعِيفٌ، وَإِنَّكَ أَمَانَةٌ، وَإِنَّكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ خَرُبٌ وَنَدَاءٌ، إِلَّا مَنْ أَخْذَهَا بِحَقْهَا، وَأَذْلَى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَا

(Riwayat Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Imarat, Bab Karahatil Imarah bighairi Dhorurah, no. hadis 1825)

Terjemahan:

Dari Abi Zar katanya: Aku berkata: Wahai Rasulullah, mengapa tidak melantik saya? Lalu Baginda menepuk bahu dengan tangannya kemudian Baginda bersabda: Wahai Abu Zar! Kamu seorang yang lemah. Ianya adalah amanah dan di akhirat nanti ia akan membawa kehinaan dan penyesalan, kecuali orang-orang yang mengambilnya dengan sebenar dan menunaikan kewajipan yang diamanahkan kepadanya.

Manakala hadis yang berkaitan juga ada disebutkan melalui riwayat Imam Bukhari iaitu:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: بَيْنَمَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَجْلِسٍ يُحْدِثُ الْقَوْمَ، جَاءَهُ أَعْرَابٌ فَقَالَ: مَتَى السَّاعَةُ؟ فَمَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحْدِثُ، فَقَالَ يَعْصُمُ الْقَوْمَ: يَسْعَ مَا قَالَ فَكَرَّهَ مَا قَالَ: وَقَالَ يَعْصُمُهُمْ: بَيْنَ لَمْ يَسْمَعْهُ، حَتَّى إِذَا قَضَى حَدِيثَهُ قَالَ: أَئْنَ أَرَاكُ أَهْلَ السَّاعَةِ قَالَ: هَا أَنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: فَإِذَا ضَيَّعْتِ الْأَمَانَةَ فَأَنْتَ نَسِيرٌ السَّاعَةُ، قَالَ: كَيْفَ إِضَاعَهَا؟ قَالَ: إِذَا وُسِدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَأَنْتَ نَسِيرٌ السَّاعَةُ

(Riwayat Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Ilmi, Bab Man Suila 'Ilman wahua Musytaghilun fi Hadithsihi, no. hadis 59)

Terjemahan:

Abu Hurairah berkata: Apabila Nabi SAW berada dalam sebuah majlis dan bercakap kepada mereka yang berada di situ, tiba-tiba datang seorang badwi lalu bertanya: Benarkah berlakunya kiamat? Nabi SAW meneruskan percakapannya. Maka orang-orang yang hadir memberi pelbagai tanggapan. Ada yang berpendapat Nabi SAW mendengar soalannya tetapi tidak suka dengan caranya. Ada pula yang berpendapat Nabi SAW tidak mendengar apa yang ditanyakan oleh orang badwi tersebut. Tiba-tiba Nabi SAW berkata: Di manakah orang yang bertanya mengenai hari kiamat? Jawabnya: Ini dia! Saya wahai Rasulullah. Nabi SAW berkata: Apabila dihilangkan amanah, maka ketika itu tunggalah berlakunya kiamat. Dia bertanya lagi: Bagaimanakah cara hilangnya? Nabi SAW berkata: Apabila diserahkan urusan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggalah berlakunya kiamat.

Abdul Hadi Awang (1995) menyatakan, para ulama ketika membahaskan hadis ini telah mewajibkan kepada pemerintah Islam untuk melantik orang yang mempunyai kelayakan berdasarkan syarat dan sifat kepimpinan menurut hukum Islam. Urusan pemerintahan pula perlu dijalankan secara Islam kerana ianya merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh mana-mana pemerintah tidak kira sama ada dipilih mengikut kehendak rakyat ataupun tidak. Menjadi sebuah kewajipan terhadap pemerintah memberikan tugas kepada orang bawahan mengikut kemampuan dan kesesuaian menurut hukum Islam. Kewajipan inilah yang membezakan sama ada pemerintah itu adil ataupun zalim. Ukuran keadilan itu dilihat berdasarkan sesuatu perkara yang diletakkan pada tempatnya mengikut hukum Islam dan begitulah sebaliknya.

Menurutnya lagi, kemuncak matlamat yang diinginkan adalah menegakkan masyarakat yang sempurna supaya masyarakat selamat daripada menjadi mangsa kezaliman dan mangsa daripada perbuatan yang melampaui batas. Namun tidak dapat dinafikan akan kewajipan untuk menegakkan negara Islam kerana tanpa negara Islam, maka masyarakat yang sempurna tidak dapat direalisasikan. Berdasarkan sejarah Islam, terdapat golongan yang menerima dan bersetuju dengan dasar ini. Oleh itu, umat Islam wajib memberi kesetiaan kepada pemimpin yang dilantik dan mengekalkan kepimpinan tersebut tanpa mengira siapa, di mana dan bila. Sekiranya berlaku kezaliman, maka perlu ditentang meskipun ianya berlaku di Mekah, bahkan sebangsa dan sekeluarga dengan Nabi SAW.

Abdul Hadi Awang (2005) berpendapat bahawa, amanah paling besar yang disebutkan dalam hadis adalah amanah memimpin negara dan mengendalikan urusan rakyat. Amanah ini perlu diberikan kepada orang yang iltizam hubungannya dengan Allah SWT melalui ibadah solat yang didirikan. Bahkan, orang yang menuaikan kewajipan harta, menyuruh kebaikan dan melarang kemungkaran juga termasuk dalam kalangan orang yang iltizam hubungannya dengan Allah SWT. Amanah memimpin tidak boleh diserahkan kepada mereka yang tidak menghormati waktu solat apatah lagi yang tidak mendirikannya. Selain itu, urusan kepimpinan juga tidak boleh diserahkan kepada orang yang membiarkan kemungkaran berlaku di hadapan matanya sedangkan dia mempunyai kuasa apatah lagi kuasa tersebut diperolehi melalui politik wang dan politik penipuan ke atas rakyat.

Menurut Abdul Hadi Awang (2007), Islam telah memposisikan politik atau kewajipan memimpin dan mentadbir sebagai suatu amanah yang besar dalam pertimbangan dosa dan pahala serta tanggungjawab yang diperhitungkan di dunia hingga ke akhirat. Menjadikan politik Islam berbeza dengan politik sekular yang berlandaskan keduniaan dan kebendaan. Selain itu, Abdul Hadi Awang (2009; 2011) juga berpendapat bahawa pemimpin negara mestilah mempunyai ilmu dalam perkara berkaitan akidah, syariah dan akhlak yang bersumberkan daripada al-Quran, sunnah, ijmak ulama, qias dan sumber-sumber yang disepakati. Tambahan beliau, pemimpin juga perlu memahami dengan baik masalah yang timbul supaya dapat ditangani dan diselesaikan dengan cara Islam. Amaran keras diberikan oleh Nabi SAW kepada mereka yang menyerahkan kepimpinan kepada orang yang bukan ahlinya atau orang jahil. Ini kerana perbuatan tersebut merupakan petanda hampirnya kiamat.

Secara umumnya dapat dikatakan bahawa, syarat utama seseorang untuk menjadi pemimpin adalah beragama Islam. Ini kerana syarat mahupun sifat kepimpinan itu sendiri perlu mengikut apa yang ditetapkan oleh hukum Islam bahkan pemerintahan juga perlu dijalankan secara Islam. Namun, perkara ini perlu diperhalusi dan dipertimbangkan dengan lebih dalam memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Selain itu, para pemimpin khususnya menteri perlu dipilih berdasarkan kelayakan yang ada dan bukannya dipilih kerana ada hubungan kekeluaragaan mahupun kepentingan peribadi. Harus diperhatikan terlebih dahulu latar belakang supaya tugas dapat diserahkan mengikut kepakaran masing-masing. Hal ini bukan sekadar melancarkan urusan pentadbiran, malah dapat melahirkan pemimpin yang berdaya saing.

### 3. Hadis tentang ketaatan rakyat terhadap pemimpin (Abdul Hadi Awang 2007; 2009; 1995; 2009)

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمُرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، مَا مُؤْمِنٌ بِعَصِيَّةٍ، فَإِذَا أَمَرَ بِعَصِيَّةٍ فَلَا سَمْعٌ وَلَا طَاعَةٌ

(Riwayat al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Ahkam, Bab al-Sam'u wa al-To'ah lil Imam, no. hadis 7144)

Terjemahan:

Mendengar dan mentaati itu adalah benar (wajib) selagi tidak disuruh melakukan perkara maksiat. Apabila disuruh melakukan perkara maksiat maka tidak dibenarkan dengar dan taat lagi.

Abdul Hadi Awang (1995) menjelaskan, wajib taat kepada Allah dan rasul secara mutlak manakala pemimpin tidak mutlak. Ketaatan terhadap pemimpin adalah wajib selagimana pemimpin tersebut berpegang teguh ajaran Islam. Sekiranya hak pemimpin ke atas rakyat adalah ketaatan, maka hak rakyat ke atas pemimpin adalah bersikap adil. Selain itu, kewajipan untuk taat kepada pemimpin juga diletakkan jaminan kebaikan terhadap negara dan rakyat iaitu dalam perkara yang tidak maksiat. Sekiranya perkara tersebut bukan perkara maksiat, maka wajib mentaatinya meskipun pemimpin tersebut adalah fasik.

Menurut Abdul Hadi Awang (2006; 2007), meskipun pemimpin tidak mempunyai kuasa mutlak, tetapi pemimpin mempunyai kuasa mentadbir dan memikul amanah untuk melaksanakan hukum Allah SWT. Perkara maksiat yang disebutkan dalam hadis tidak terbatas pada kejahatan peribadi tetapi ianya merangkum di dalamnya amalan politik dan pentadbiran yang haram. Beliau turut menekankan pandangan Muhammad Asad Rahimahullah yang menyatakan, rakyat wajib memberi ketaatan kepada pemimpin yang memerintah secara sah mengikut Islam tanpa mengira sama ada pelantikannya dipersejui ataupun tidak selagimana polisi dan caranya tidak melanggar perintah Allah SWT. Sekiranya pemimpin memerintah untuk melakukan perkara maksiat, maka gugurlah ketaatan dan perintah itu tidak boleh dipatuhi.

Bahkan, seandainya pemimpin itu terbukti dengan nyata terbatal iman, maka pemimpin itu hendaklah dipecat dengan cara yang tidak menimbulkan fitnah lebih besar. Abdul Hadi Awang (2009) menyatakan, rakyat wajib menyokong dan menolong pemimpin apabila negara sedang menghadapi sebarang ancaman dan gangguan dari luar mahupun dari dalam negara. Sokongan dan pertolongan hanya wajib diberikan sekiranya pemerintah melaksanakan kewajipannya mengikut Islam. Rakyat juga wajib memberikan pertolongan dalam setiap usaha kebaikan yang dilakukan oleh pemimpin sekaligus membantu untuk mencegah kemungkaran.

Bagi mencapai keharmonian sesebuah masyarakat mahupun negara, maka kerjasama antara pemimpin dan rakyat sangat diperlukan. Berdasarkan kenyataan yang dikemukakan, jelas menunjukkan kerajaan terdahulu baik Barisan Nasional mahupun Pakatan Harapan serta Perikatan Nasional, dilihat belum layak untuk mendapat ketaatan secara sempurna daripada rakyat disebabkan beberapa perkara antaranya adalah tidak melaksanakan hukum Islam dan pemerintahan cara Islam. Ini penting kerana kewajipan terhadap pemimpin tidak akan gugur selagimana pemimpin tersebut berpegang teguh dengan ajaran Islam, melaksanakan hukum Allah dan memerintahkan dalam perkara bukan maksiat. Selain itu, kerajaan hari ini juga terpalit pelbagai isu seperti rasuah, korupsi dan pelbagai lagi skandal politik. Ini secara tidak langsung telah menggugurkan ketaatan yang wajib diberikan.

#### 4. Hadis tentang hak menasihati pemimpin (Abdul Hadi Awang 2009;2010)

عَنْ تَمِيمٍ الدَّارِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: الَّذِينُ النَّصِيبَةُ قُلُّنَا: لِمَنْ؟ قَالَ: لِلَّهِ وَلِكَتَابِهِ وَرَسُولِهِ وَلِأَئِمَّةِ  
الْمُسْلِمِينَ وَعَامِلِيهِمْ

(Riwayat Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Iman, Bab *Bayan anna al-Din al-Nasiyah*, no. hadis 55)

Terjemahan:

Dari Tamim al-Dari sesungguhnya Nabi SAW bersabda: Agama itu nasihat. Kami bertanya: Bagi siapa? Jawabnya lagi: Bagi Allah, rasulNya, pemimpin umat Islam dan orang ramai.

Abdul Hadi Awang (2009) menjelaskan, nasihat yang diberikan mestilah berpandukan ajaran Allah SWT dan Nabi SAW serta perlu diberikan kepada semua peringkat masyarakat tanpa sebarang pengecualian termasuklah pemimpin. Nasihat atau teguran harus diberikan kepada pemimpin agar kelemahan yang ada dapat ditampung dan sebarang penyelewengan kuasa dapat dihindarkan. Islam juga meletakkan nasihat ini sebagai perkara penting yang perlu dilaksanakan sekaligus menjadikannya sebagai kewajipan terhadap masyarakat dalam negeri Islam. Para sahabat juga mengamalkan sikap memberi dan menerima nasihat. Ini dapat dilihat berdasarkan ucapan yang dilakukan oleh Abu Bakar dan Umar al-Khattab sewaktu mereka dilantik menjadi khalifah. Abu Bakar dalam ucapan sulungnya menyebutkan:

أَيُّهَا النَّاسُ، إِنِّي قَدْ وُلِيَتُ عَلَيْكُمْ، وَلَسْتُ بِجَيِّرٍ لَّكُمْ، إِنَّ أَحَسِنْتُ فَأَعْنَوْنِي، وَإِنْ أَسَأْتُ فَقَوْمُونِي

Terjemahan:

Wahai manusia! Sesungguhnya aku telah dipilih menjadi ketua kamu, padahal aku bukanlah orang yang paling baik di kalangan kamu. Oleh itu, sekiranya aku betul, maka tolonglah aku dan sekiranya aku terpesong maka perbetulkanlah aku.

Umar al-Khattab juga turut menegaskan dalam ucapannya ketika menjadi khalifah dengan berkata:

إذا رأيتم في اعوجاجا فليقومه

Terjemahan:

Apabila kamu nampak aku melakukan penyelewengan, maka perbetulkanlah aku.

Abdul Hadi Awang (2010) menjelaskan, sikap yang ditunjukkan oleh para sahabat terutama Khulafa ar-Rasyidin menunjukkan mereka sentiasa bersedia untuk mendengar nasihat tanpa memarahi orang yang menegur dan memberi nasihat meskipun ianya datang daripada seorang rakyat biasa. Kebebasan yang diberikan dalam memberi nasihat secara tidak langsung memberi jaminan tertegaknya keadilan dengan sebaik-baiknya dan dapat mengatasi kelemahan yang ada pada manusia. Selain itu, amalan ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan antara pemimpin dan rakyat sekaligus menjadi penyumbang kepada kekuatan sesbuah kerajaan. Pemimpin yang tidak membenarkan dan tidak bersedia menerima nasihat serta memberi tekanan kepada mereka yang memberi nasihat merupakan pemimpin yang zalim. Pemerintahan negara akan mengalami banyak kelemahan sekiranya kebebasan menyampaikan nasihat disekat bahkan pemimpin juga akan bebas melakukan apa sahaja meskipun bercanggah dengan ajaran Islam.

Selain itu, beliau juga menegaskan bahawa manusia tidak lari daripada melakukan kesalahan kerana setiap manusia mempunyai kelemahan. Perkara ini juga membuktikan bahawa Islam telah lama mendahului demokrasi ciptaan barat di mana semua pihak tidak kira sama ada berpangkat tinggi atau rakyat biasa mempunyai hak untuk memantau pemimpin bagi memastikan tidak ada sebarang kesalahan dan tidak berlaku sebarang bentuk kezaliman ketika melaksanakan tugas. Konsep ini diajarkan oleh Nabi SAW dalam perkara selain daripada wahyu dan Allah SWT memberi kebenaran khusus kepada baginda. Pada masa yang sama, wujudnya keterbukaan dalam urusan pentadbiran yang memerlukan kepada kebijaksanaan akal fikiran dan pengalaman hidup serta semua pihak wajib menegur sekiranya berlaku kesilapan dan kelemahan.

Mengkritik, menasihati atau memberi teguran kepada kerajaan perlu dilaksanakan secara terbuka tanpa ada sebarang sekitan. Ini bertujuan untuk mewujudkan konsep *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* sepertimana yang dianjurkan oleh Nabi SAW. Perkara ini bukan sahaja dapat menutupi kelemahan yang ada pada pemimpin tetapi dapat membantu memperbaiki kesilapan yang telah berlaku dan menghindarkan kesilapan tersebut berulang kembali di kemudian hari. Kepentingan amalan ini juga dapat menghindarkan pemimpin daripada penyalahgunaan kuasa. Sepertimana di Malaysia, wujudnya pembangkang adalah sebagai *check and balance* setiap tindak tanduk yang dilakukan oleh kerajaan. Ini bagi memastikan kestabilan politik terjamin dan terhindar daripada sebarang kekacauan. Jika kekacauan tetap berlaku, maka di sini pentingnya peranan institusi raja-raja melayu dalam menasihati pemimpin-pemimpin baik di pihak kerajaan mahupun di pihak pembangkang.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbahasan dan perbincangan yang telah dikemukakan, dapat dilakukan beberapa kesimpulan yang perlu diberi perhatian berkenaan hadis-hadis kepimpinan menurut Abdul Hadi Awang.

### i. Hadis tentang kewajipan dan hak menjadi seorang pemimpin.

Jika diperhatikan perbahasan mengenai hadis ini, dapat dirumuskan kepada beberapa perkara antaranya ialah berkenaan kewajipan menjadi pemimpin. Politik di dalam Bahasa Arab disebut sebagai *siyasah* dan secara maksudnya *siyasah* adalah memerintah, mentadbir atau memimpin. Meskipun *siyasah* tidak disebutkan secara nyata dalam al-Quran tetapi ianya jelas disebutkan dalam hadis Nabi SAW. Bahkan kewajipan melaksanakan urusannya adalah wajib mengikut acuan yang diajarkan oleh Nabi SAW. Menafikan politik atau *siyasah* sebahagian daripada Islam dianggap sebagai sesat. Politik cara Nabi SAW meliputi seluruh aspek termasuklah akidah, syariat dan akhlak. Tidak ada yang terlepas daripada urusan *siyasah*. Semua peringkat masyarakat terlibat tidak kira sama ada rakyat biasa, bangsawan mahupun raja-raja. Taat setia dan pertolongan terhadap pemimpin hanya dalam perkara yang tidak bercanggah dengan syariat. Sebagai balasan, pemimpin perlu belaku adil kepada rakyat.

### ii. Hadis tentang ancaman menyerahkan urusan pada bukan ahli

Jika diperhatikan perbahasan, dapat ditarik beberapa kesimpulan antaranya ialah, setiap lantikan sesuatu jawatan atau penyerahan tugas mestilah berdasarkan kelayakan dan kemampuan yang dimiliki oleh seseorang. Sekiranya menyerahkan sesuatu tugas tanpa mengira kemampuan individu tersebut, maka perbuatan tersebut

dianggap sebagai zalim. Pemerintahan secara Islam perlu dilaksanakan meskipun pemerintah tersebut tidak dipilih berdasarkan kehendak rakyat. Amanah memimpin negara mestilah diserahkan kepada orang yang mempunyai hubungan yang dekat dengan Allah SWT kerana ianya merupakan amanah yang besar. Sekiranya seseorang itu tidak menjaga waktu solat, maka urusan kepimpinan tidak boleh diserahkan kepadanya apatah lagi yang tidak mendirikannya. Selain itu, setiap pemimpin negara perlu mempunyai ilmu agama supaya dapat menghadapi masalah yang timbul dan dapat menyelesaikannya dengan cara Islam.

#### iii. Hadis tentang ketaatan rakyat terhadap pemimpin

Melihat kepada perbincangan dan perbahasan, dapat dirumuskan beberapa perkara penting iaitu, ketaatan mutlak hanya diberikan kepada Allah SWT dan Nabi SAW. Manakala ketaatan kepada pemimpin adalah bersifat tidak mutlak. Hanya wajib memberikan ketaatan kepada pemimpin sekiranya pemimpin berpegang teguh dengan ajaran Islam, berlaku adil dan memberi kebaikan kepada negara serta rakyat dalam perkara-perkara yang bukan maksiat. Pemimpin mempunyai kuasa penuh untuk melaksanakan hukum Allah SWT. Ketaatan terhadap pemimpin akan gugur serta merta sekiranya apa yang diperintahkan itu berbentuk maksiat. Bahkan, pemimpin juga boleh dipecat sekiranya jelas imannya terbatal.

#### iv. Hadis tentang hak menasihati pemimpin

Berdasarkan perbincangan hadis ini, terdapat beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian antaranya ialah, memberi nasihat merupakan hak milik semua orang. Setiap nasihat yang diberikan mestilah bersandarkan kepada ajaran Islam. Memberi nasihat juga hendaklah bertujuan untuk menampung kelemahan dan mencegah kemungkaran. Selain itu, nasihat juga merupakan kewajipan yang perlu dilaksanakan dalam negara Islam. Amalan memberi nasihat dapat menjamin tertegaknya sebuah keadilan dan dapat mengeratkan hubungan antara pemimpin dengan rakyat. Menghalang dan menindas orang yang memberi nasihat termasuk dalam perbuatan yang zalim.

### Rujukan

- Abdullah Hassan & Ainon Abdullah. 2003. *Teori & Teknik Kepimpinan: Panduan Aplikasi di Tempat Kerja*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Awang 1995. *Sistem Pemerintahan Negara Islam*. Pulau Pinang: Dewan Muslimat Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Awang 2005. *Hadrhah Islamiyyah Bukan Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Awang 2006. *Muqaddimah Aqidah Muslimin*. Kuala Lumpur: Sarjana Media.
- Abdul Hadi Awang 2007. *Islam dan Demokrasi*. Selangor: PTS Publications and Distributions Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Awang 2007. *Inilah Akidah Muslim*. Selangor: PTS Islamika.
- Abdul Hadi Awang. 2019. *Islam Memimpin*. Kuala Lumpur: Pejabat Presiden PAS.
- Abdul Hadi Awang 2009. *Bagaimana Islam Memerintah Negara*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Awang 2009. *Fiqh al-Harakah 3 dari Sirah Nabawiyah*. Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Awang 2010. *Taktik dan Strategi Berpolitik Gaya Khulafa ar-Rasyidin*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Awang 2011. *Politik dan Agama Mengikut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Mutiara Print.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak. 2005. *Pembangunan Organisasi Pendidikan yang Cemerlang Berasaskan Ciri-ciri Kepimpinan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail. 2002. *Sahih Bukhari*. Beirut: Dar Ibnu Kathir.
- Block, P. 1993. *Stewardship: Choosing Service over Self-interest*. San Francisco: Berret-Koehler Publisher.
- Dubrin, A. J., Dalgish, C. & Miller, P. 2006. *Leadership*. Australia: John Wiley & Sons Ltd.
- Hasan Al-Banna Mohamed. 2018. *Islam Dan Pembentukan Kepimpinan Berkualiti*. *Zulfaqar International Journal of Defence Management Social Science & Humanities* 1(1): 11-29.
- Muhammad Ali Hanfiah. 2011. *Kecenderungan Tokoh-tokoh Dakwah Dalam Penghuraian al-Quran Dan Hadis Dari Aspek Haraki*. Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD) 2011, hlm.569-588.
- Muhammad Nasri Md Hussain & Ab. Aziz Yusof. 2005. *Pengurusan Sumber Manusia dari Perspektif Islam*. Selangor: Prentice-Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Muslim, Mualim Ibn Hajjaj. 2010. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Toibah.
- Siti Khadijah & Ahmad Marzuki. 2017. *Elemen Kerohanian Melalui Kepimpinan Islam Dalam Organisasi Pendidikan Menjana Pembangunan Ummah*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN2017). Ayer Keroh, Malacca, Malaysia, 1-2 November.